

BUDAYA POLITIK DAN POLITIK BERBUDAYA



Ketika saya di sekolah rendah dan masih berada di kampung puluhan tahun yang lalu, orang tua dan masyarakat kampung saya bercakap tentang betapa perlunya mereka menyokong kerajaan dan calon daripada parti kerajaan. Lambang perahu layar – kini digantikan oleh dacing – menjadi sebutan di bibir mereka. Empat atau lima dasawarsa yang lalu, rakyat, terutama di kampung, tidak mempunyai kesedaran politik yang tinggi. Pemahaman mereka tentang politik sempit, sesuai dengan hakikat bahawa negara baru merdeka dan masyarakatnya ialah golongan miskin, petani dan nelayan. Politik bagi mereka hanyalah pilihan raya. Sikap dan amalan politik mereka dipengaruhi oleh nilai feudal dan tradisional. Mereka akur kepada ketua dan pemimpin dalam masyarakat, tanpa mempersoalkannya dalam urusan harian dan berpolitik.

Budaya politik sesuatu masyarakat mempunyai kaitan dengan sikap dan kepercayaan yang dipegang dan diamalkan oleh masyarakat itu, yang menjadi asas dan tunjang tingkah laku politik mereka. Budaya politik merujuk kewujudan gugusan sikap, perlakuan, kepercayaan, dan emosi yang mencorakkan dan membentuk aktiviti politik dalam sesuatu masyarakat atau negara. Budaya politik mengandungi kepercayaan yang menggambarkan nilai, norma, dan amalan yang dapat menjelaskan situasi dan tindakan politik. Persepsi, kepercayaan, jangkaan, tindakan, aspirasi, dan harapan anggota masyarakat menggambarkan budaya politiknya.

Perkembangan budaya politik dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia menunjukkan betapa masyarakat telah berubah daripada sifat feudal kepada era penyesuaian kepada demokrasi moden dan kemudiannya melahirkan budaya neofeudal dan menuju ke arah yang lebih sivil.

Yang perlu diakui ialah bahawa budaya politik sesuatu kaum, masyarakat, dan negara berbeza daripada kaum, masyarakat dan negara lain. Bagi masyarakat yang sama, budaya politik mereka tidak kekal. Amalan dan budaya politik mereka berubah sejajar dengan perubahan zaman. Kita dapat menilai dan mengetahui budaya politik mereka hanya dengan melihat perlakuan popular dan kenyataan mereka tentang politik dan isu politik.

Masyarakat dan negara begitu pantas berubah. Kini pada tahun 2018, lebih dari 40 tahun kemudian, pemodenan politik berlaku seiring dengan pemodenan dan perubahan dalam kehidupan, termasuk dari segi media, ekonomi, pendidikan, kesihatan, komunikasi, dan sistem pengangkutan. Generasi kini, terutama golongan muda, jauh lebih sedar akan peranan dan hak mereka kerana kadar celik politik yang lebih tinggi. Budaya politik berubah dan bergerak seiring dengan perkembangan, kemajuan, dan pemodenan masyarakat dan negara. Budaya politik moden dan pemodenan politik mempunyai kaitan langsung dengan kemajuan pendidikan, ekonomi, sosial dan psikologi rakyat.

Sistem politik tidak sama dengan budaya politik walaupun sistem politik turut mempengaruhi budaya politik. Budaya politik mempunyai kaitan dengan amalan dan tingkah laku politik yang berasaskan nilai dan norma tertentu dalam masyarakat dan negara. Di Amerika Syarikat, budaya politiknya dikaitkan dengan demokrasi yang menekankan kebebasan bersuara, liberalisme, dan sebagainya yang berasaskan sistem demokrasi.

Almond dan Powell¹ mencirikan budaya politik kepada tiga bentuk, iaitu budaya politik parokial, budaya politik subjek, dan budaya politik partisipan. Budaya politik parokial wujud dalam kalangan masyarakat yang tidak mengambil peduli tentang urusan politik. Bagi golongan ini, urusan politik dan negara diurus oleh mereka yang berkenaan sahaja, iaitu pemimpin politik dan parti politik. Kadar celik politik mereka rendah, seperti yang berlaku lebih dari 40 tahun lalu dalam masyarakat kita.


Budaya politik subjek pula bermaksud bahawa mereka menerima output daripada sebelah pihak sahaja tanpa mempersoalkan apa, bagaimana dan mengapa. Mereka terdiri

daripada ahli parti dan penyokong parti yang setia kepada pemimpin. Mereka boleh dianggap sebagai taat melulu serta mendengar dan mempercayai sebelah pihak tanpa soal. Mereka menanggapi politik secara hitam politik mengikut prinsip pertentangan duaan. Di Malaysia, bagi sebahagian besar penyokong parti pembangkang, BN dan kerajaan dilihat dari kaca mata yang negatif. Sebaliknya bagi penyokong kerajaan, tidak ada yang baik tentang pembangkang. Budaya politik yang matang seharusnya mampu untuk mempertimbangkan sesuatu dasar dan perjuangan dengan adil dan saksama.

Budaya politik partisipan pula merujuk masyarakat yang mempunyai kesedaran politik yang tinggi. Mereka dapat dikategorikan sebagai masyarakat sivil. Kita sepatutnya mengelakkan diri daripada berada dalam budaya politik subjek dengan tidak mengambil peduli akan politik dan pilihan raya, sedangkan pada hakikatnya, kepedulian kita, setidak-tidaknya dengan keluar mengundi, akan dapat menentukan nasib kita sendiri dan masa hadapan negara. Dalam pilihan raya umum 2008, kadar mereka yang keluar mengundi sekitar 75 peratus, berbanding dengan 84 peratus pada tahun 2013.

Selain keinginan yang kuat untuk menyokong sesuatu parti, tingginya kadar peratusan pengundi yang keluar mengundi berlaku kerana sudah wujud budaya pelibatan dalam kalangan pengundi. Politik bukan sekadar urusan ahli politik dan parti politik. Pada tahap matang, masyarakat

Budaya politik di negara ini dilihat sedang menuju kematangan.



perlu terbahit dan peduli akan isu politik dan pilihan raya yang berkembang di sekitar mereka. Namun demikian, kini sudah ada percubaan untuk menggalakkan pengundi dan rakyat agar tidak keluar mengundi dan merosakkan undi.

Budaya baharu ini timbul kerana persaingan sengit untuk merebut kuasa dan kedudukan. Dengan bantuan media sosial, amalan memburuk-burukkan lawan politik semakin dahsyat. Fitnah, penyebaran berita palsu, aktiviti menghasut, dan kegiatan negatif yang lain semakin leluasa. Kegiatan sedemikian bukan sahaja boleh mencetuskan konflik, tetapi dapat mewujudkan ketegangan dan perpecahan dalam masyarakat berbilang etnik. Kejelekan dan kebobrokan dijangka semakin teruk menjelang pilihan raya umum yang akan datang. Sepatutnya tidak berlaku budaya tujuan menghalalkan cara dalam politik sehingga budaya sopan, hormat, dan amalan yang berpaksikan nilai mulia selama ini diketepikan, semata-mata kerana kegilaan untuk merebut kuasa dan kemenangan.

Budaya politik Malaysia banyak dipengaruhi dan dicorakkan oleh pentadbiran kolonial British. Bagi masyarakat dan pengundi Melayu, budaya politik mereka, perlu diakui, merupakan adunan rencam yang diwarisi daripada tradisi masa silam dan feudal, nilai Barat dan Islam. Sebelum kedatangan penjajah, bentuk politik di Tanah Melayu berteraskan tradisionalisme dan feudalisme. Sultan dianggap sebagai pemimpin yang unggul yang dapat melindungi

kepentingan dan kebajikan mereka.

Kedatangan penjajah mewujudkan beberapa ideologi politik, seperti nasionalisme dan komunisme, yang mula menghakis sistem tradisional sehingga tercetus anjakan baharu dalam sistem dan budaya politik masyarakat tradisional itu. Ketika timbul keghairahan untuk menuntut kemerdekaan, ideologi nasionalisme mula menguasai jiwa dan perjuangan masyarakat tempatan.

Pilihan raya dan budaya yang mengiringinya, hasil daripada sistem dan pengaruh Barat dan sistem demokrasi, merupakan dimensi budaya politik Melayu dan Malaysia yang sebat. Antara faktor yang mempengaruhi corak dan pola pengundian termasuklah sejarah dan warisan feudal yang mementingkan kesetiaan dan keakuran kepada pemimpin, raja, dan pihak yang lebih tinggi kedudukan dalam masyarakat. Budaya politik Melayu pada zaman silam, malah sehingga

dekat 70-an dan awal 80-an, bersifat feudal. *Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu* memberikan gambaran yang jelas tentang sistem politik dan budaya politik Melayu pada zaman berkenaan. Golongan yang memerintah terdiri daripada istana dan bangsawan, manakala golongan yang diperintah ialah rakyat.

Sebelum tsunami politik berlaku dalam pilihan raya umum 2008, pengundi di Malaysia sudah sebat dengan budaya tidak menentang pemimpin dan akur kepada pemimpin dan parti pemerintah. Hal ini memungkinkan BN memenangi pilihan raya demi pilihan raya meskipun politik negara berkocak pada tahun 1969 dan 1999.

Pemerintah Melayu dikenali sebagai kerajaan yang merujuk raja, manakala dalam zaman moden selepas pilihan raya umum diadakan, ahli dewan undangan negeri dan ahli parlimen, malah senator yang dilantik ke Dewan Negara

disebut sebagai Yang Berhormat. Rujukan tersebut dengan sendirinya mengangkat darjat wakil rakyat di mata masyarakat dan betapa tingginya kedudukan yang diberikan kepada ahli politik berkenaan.

Islam turut mempengaruhi dan membentuk budaya politik dan orientasi politik masyarakat Melayu. Dengan PAS muncul sebagai parti yang utama di negara ini, corak politik parti tersebut, yang memperjuangkan agama Islam, turut mempengaruhi budaya politik di negara ini.

Masyarakat Cina begitu rencam, dengan etnik dan agama yang berbeza. Kerencaman ini turut dipancarkan dalam politik dan budaya politik mereka. Pada suatu ketika, MCA menjadi parti dukungan utama mereka, tetapi kini mereka beralih kepada DAP. Dengan tinggal di bandar dan lebih terdedah kepada pendidikan dan media, terutamanya media baharu ketika ini, pengundi Cina mempunyai kadar celik politik yang lebih tinggi. Dari segi politik, mereka lebih sedar dan celik tentang perkembangan yang melingkari pemimpin dan parti politik, sehingga membentuk budaya politik yang menarik. Kaum India, sebagai kaum dan pengundi minoriti di negara ini, berpecah dari segi budaya dan mereka tidak mempunyai kerusi majoriti.

Budaya politik, seperti budaya dan tradisi yang lain, turut berubah mengikut zaman. Budaya politik tidak jumud atau statik. Budaya politik boleh beranjak dan berubah dengan drastiknya dalam tempoh yang singkat disebabkan oleh kuasa teknologi dan kepemimpinan

politik. Hal ini telah kita saksikan di negara ini, terutamanya dalam tempoh 15 tahun terakhir.

Perubahan ini juga berpunca daripada globalisasi, ledakan teknologi, perubahan politik di negara luar, dan wacana serta wacana tandingan yang berkaitan dengan pelbagai isu, termasuk hak asasi manusia. Rakyat Malaysia hari ini, termasuk masyarakat Melayu, jauh berbeza daripada rakyat yang wujud pada zaman dahulu. Rakyat dan pengundi pada hari ini terencana minda dan sikap mereka melalui proses pendidikan, perbandaran dan pemodenan.

Budaya politik mereka tidak lagi terkongkong oleh nilai dan norma feudal dan tradisional. Sebaliknya budaya politik dan pandangan politik mereka sudah beranjak seiring dengan perubahan dalam masyarakat, negara dan dunia. Dengan kata lain, mereka bersikap kritis, malah skeptis dan sinis terhadap amalan politik yang dianggap sebagai tidak bergerak di atas landasan yang wajar. Mereka mengutamakan budaya politik yang mengutamakan kepentingan tadbir urus, ketelusan, serta tadbir urus yang baik, dengan meletakkan masa hadapan negara di atas kepentingan parti. Minda dan ideologi mereka tidak lagi terkongkong di bawah tempurung minda feudal. Budaya politik moden menghakis pengaruh dan kuasa puak tradisional yang dahulunya berkuasa.


Ketua puak, pembedar, dan pemimpin tradisional mula kehilangan pengaruh mereka. Kewibawaan yang bercorak keagamaan tradisi, kekeluargaan, dan etnik,

misalnya, seperti yang dianjurkan oleh Samuel Huntington, digantikan oleh kewibawaan politik yang bersifat satu, sekular dan nasional. Pada peringkat awal pemodenan, biasanya terbentuk dua golongan elit yang berbeza, iaitu elit yang kebaratan dan elit politik budaya tradisional yang terdiri daripada guru, agamawan dan ketua kampung. Namun demikian, kedudukan dan peranan berkenaan kemudiannya diambil alih oleh guru, ahli perniagaan, dan pemimpin politik sepenuh masa.

Dalam konteks budaya politik di negara ini, pertandingan antara dua golongan elit ini dicerminkan oleh pertandingan antara PAS dengan UMNO. Hal ini dikatakan demikian kerana UMNO disokong oleh elit kebaratan, manakala PAS diterajui oleh golongan elit politik budaya tradisional. Dalam PAS sendiri, kita telah menyaksikan berlaku konflik antara golongan kebaratan, liberal dan moden dengan golongan konvensional dan agamawan sehingga akhirnya mewujudkan Parti Amanah Negara. Hal ini bermaksud bahawa sesebuah parti politik juga boleh berubah amalan dan budayanya sehingga sering didapati di negara ini berlakunya pergeseran dan konflik dalam parti, bukan hanya kerana hendak berebut kuasa, tetapi ideologi, perjuangan, dan budaya berlainan yang cuba diperkenalkan oleh puak terbahit.

Namun demikian, di sesetengah tempat, termasuk dalam kalangan penguni rumah panjang di Sarawak, budaya setia kepada ketua masih

Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu memberikan gambaran tentang sistem politik feudal.



wujud. Sungguhpun begitu, hal ini tidaklah pula bermaksud bahawa nilai feudal dan tradisional dalam budaya politik mereka terhakis terus daripada budaya dan memori politik mereka.

Budaya politik yang moden dan baharu, yang diperlihatkan sejak sedekad dua ini, melambangkan bukan sahaja perubahan nilai dan budaya politik rakyat di negara ini, tetapi juga perubahan dan transformasi hebat yang berlaku dalam masyarakat dan negara. Nilai baharu mula muncul sehingga budaya politik turut berubah. Politik yang menguasai amalan politik, rasuah turut diamalkan untuk mendapatkan kuasa, dan perjuangan tidak lagi semata-mata untuk kepentingan rakyat dan negara, seperti pada awal kemerdekaan. Carut-mencarut, telanjang-melanjangi, malah kebiadaban semakin terserlah. Politik, bak kata Sasterawan Negara Shahnon Ahmad dalam novel *Shir*, menjadi busuk dan membusukkan. Nilai berkenaan boleh merosakkan individu, masyarakat dan negara. Namun demikian, sentiasa wujud tindakan semak danimbang, termasuk badan bukan kerajaan, aktivis sosial, dan media alternatif, untuk memastikan agar budaya politik yang diamalkan tidak jauh terpesong daripada idealisme yang seharusnya diamalkan.

Pendedahan kepada dunia luar sebagai ekoran ledakan teknologi dan media baharu memungkinkan rakyat terdedah kepada pelbagai maklumat yang sebelumnya hanya disiarkan melalui media arus perdana. Kebebasan media yang dibawa oleh media baharu dan media

sosial membuka minda dan fikiran rakyat sehingga mereka menjadi lebih progresif, kritis, berani, lantang, dan sentiasa mempertikaikan wacana yang dikemukakan oleh pihak terbabit.

Unsur akauntabiliti, ketelusan, tabdir urus yang baik, hak asasi, dan seumpamanya menjadi sebahagian daripada budaya politik baharu yang semakin mendapat tempat di hati rakyat, terutama dalam kalangan golongan muda. Kemodenan memberikan kesan kepada pembentukan budaya politik baharu yang menyaksikan perpindahan pentas politik daripada semata-mata kepada pentas fizikal dengan ceramah menjadi wadah utama kepada pentas maya. Interaksi wacana dan wacana tandingan begitu rancak di ruang maya, sekali gus membuka ruang awal yang membentuk budaya politik baharu dalam kalangan rakyat.

Corak kempen turut dipengaruhi oleh kempen di negara luar. DAP, misalnya, banyak dipengaruhi oleh corak kempen politik yang diamalkan di Taiwan. Pada suatu ketika dahulu, malah hingga kini, ceramah mereka di pentas politik dianggap agresif dan menggunakan kata kesat terhadap lawan politik mereka.

Kita juga perlu mengakui bahawa rancangan pembangunan dan dasar ekonomi telah mengubah nasib penduduk dan pengundi, dan membentuk budaya dan identiti tertentu. Dasar Ekonomi Baru, yang dilancarkan dahulu kejadian 13 Mei 1969, membentuk masyarakat yang lebih saksama, manakala di bawah kepemimpinan Tun Dr.

Mahathir Mohamad selama 22 tahun, budaya politik yang menekankan cengkaman terhadap musuh politik berlaku. Akta dan undang-undang yang berkaitan, termasuk Akta Keselamatan Dalam Negeri, digunakan untuk menundukkan musuh.

Kewujudan kelas menengah sebagai ekoran langkah dan dasar yang memberikan kesan positif dari segi ekonomi dan taraf hidup rakyat banyak mempengaruhi cara rakyat dan pengundi menanggapi kepemimpinan parti pemerintah. Kesan berkenaan memunculkan badan sivil dan pertubuhan bukan kerajaan yang membantu usaha untuk membuka ruang awam. Hal ini termasuk kewujudan Aliran pada tahun 1977, Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia, Tenagita dan Bersih. Inilah kuasa semak danimbang yang membantu langkah untuk mewujudkan gelanggang permainan yang sama rata dan budaya politik matang.

Politik Malaysia sedang mengalami transformasi politik dan budaya politik yang luar biasa dan hebat. Fenomena ini mula disaksikan sejak tahun 1999 selepas Dr. Mahathir memecat Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sehingga mencetuskan gelombang reformasi dan penentangan terhadap sang penguasa. Pemikiran dan budaya politik yang sebelum ini berpegang pada keakruan kepada ketua dan pemimpin sebagai ekoran budaya politik feudalisme dicabar oleh budaya politik baharu.

Pemikiran rakyat mulai beranjak daripada budaya politik tradisional dan

konvensional kepada budaya politik moden. Pertentangan, pertikaian, keraguan, serta metanaratif dan wacana dicabar. Pemikiran arus perdana diragui dan muncul wacana tandingan dengan hujah pejal untuk menentang pihak berkuasa. Budaya tunduk dan akur dalam politik sudah menjadi sejarah. Nilai yang menunjangi ideologi, dasar, dan pendirian politik berubah secara drastik.

Impak teknologi maklumat dengan kemunculan internet pada akhir 1990-an yang agak pesat mendatangkan kesedaran politik yang tidak pernah disaksikan sebelum ini, sehingga membawa cara dan budaya politik yang berbeza. Kemunculan gerakan sivil dan masyarakat sivil turut memainkan peranan bagi mentransformasikan budaya dan amalan politik di negara ini. Sebenarnya masyarakat sivil di negara ini berkembang sebagai susulan pengaruh permodenan, sama ada yang dibawa dari Barat ataupun Timur Tengah. Masyarakat sivil berkenaan memperjuangkan isu sejagat dan prinsip demokrasi sebenar. Kesepaduan perjuangan dalam gerakan sivil, yang mengutamakan ketelusan dan sebgainya, memberikan kesan positif terhadap proses demokrasi di negara ini.

Sistem dan budaya politik di negara ini membenarkan kemunculan badan sahaja parti politik, tetapi juga pertubuhan sivil. Organisasi sivil dan masyarakat sivil mengubah budaya politik ke arah politik yang lebih matang dan selari dengan tuntutan demokrasi. Mereka menuntut supaya kerajaan memperbaiki dan meningkatkan sistem

yang sedia ada kepada tahap demokrasi yang lebih baik demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Budaya politik mutakhir di negara ini menyaksikan rakyat semakin faham dan sedar akan hak mereka di bawah sistem demokrasi dan cara sepatutnya negara ini diurus. Pengundi dan rakyat tidak lagi akur dan setia membuta tuli kepada pemimpin politik. Pemimpin politik dan parti terbabit harus memiliki wibawa dan mengamalkan budaya politik dan moral politik yang sepatutnya. Kita sudah melihat cara pemimpin politik yang tidak bermoral, sombong, melakukan rasuah, dan menyalahgunakan kuasa disingkirkan oleh penyokongnya dan rakyat.

Dalam satu kajian sebelum ini, 88 peratus responden bersetuju bahawa perbuatan mengundi dalam pilihan raya merupakan tanggungjawab penting rakyat Malaysia. Sejumlah 80 peratus responden pula bersetuju bahawa dasar kerajaan dapat diubah melalui undi dan pemilihan calon yang betul. Kajian berkenaan mendapati bahawa pengundi di negara ini sedar dan tahu akan sistem politik, bangga menjadi rakyat Malaysia, mampu untuk menilai prestasi kerajaan, dan bersedia untuk menyingkirkan pemimpin yang rasuah dan menyalahgunakan kuasa. Kesedaran berkenaan penting bagi memastikan agar demokrasi terus segar di negara ini. Dalam kajian itu, lebih daripada 62 peratus responden bersetuju bahawa pembangkang yang kuat di Parlimen penting untuk proses semak danimbang. Keadaan ini merupakan pemikiran baharu yang muncul

sebagai ekoran pendidikan yang diperoleh dan pendidikan politik yang diterima melalui media massa.

Kini budaya popular mula menyusup dalam politik budaya popular, bukan hanya dalam bentuk penggunaan media sosial dan pentas konsert, tetapi juga hubungan kuasa dan ranah pembentukan makna. Budaya popular dilakukan untuk mengartikulasikan pendirian dan wacana politik pelbagai pihak. Politik tidak lagi sekadar dibincangkan dan ditentukan oleh parti politik dan pemimpin politik, tetapi juga oleh badan bukan kerajaan, warga maya, dan rakyat pada keseluruhannya.

Media baharu menjadi senjata golongan yang lemah itu. Mereka tidak lagi takut untuk bersuara meskipun begitu banyak undang-undang dan akta yang melingkari mereka jika mereka tersalah langkah. Sebagai ruang untuk berwacana dan menyatakan pendirian, budaya dilihat sebagai ranah penting dengan pelbagai nilai sentiasa bergeser untuk membentuk transformasi demokratik dalam pelbagai peringkat hubungan kuasa.

Sesungguhnya pembinaan dan amalan budaya politik yang betul, termasuk pemilihan calon, parti dan kerajaan, penting bagi menentukan masyarakat dan negara terus dapat bergerak ke hadapan seiring dengan prinsip demokrasi, aspirasi, dan kehendak rakyat yang semakin tinggi kadar celik politik. Biarlah kita mengamalkan budaya politik yang matang, canggih, dan berhemah agar politik membawa kebahagiaan dan budaya kesengsaraan kepada kita.